PERUTUSAN GABENOR

Sistem kewangan domestik terus berdaya tahan pada tahun 2013 dengan kemajuan yang penting dicapai dalam beberapa bidang utama bagi mengukuhkan keadaan kestabilan kewangan. Sebagai sebuah ekonomi yang terbuka, Malaysia mengalami aliran modal dua hala yang ketara berikutan ketidakpastian yang berterusan dalam pasaran kewangan antarabangsa. Walau bagaimanapun, kesan ini secara relatif adalah sederhana, mencerminkan sistem kewangan domestik yang jauh lebih berdaya tahan. Keadaan yang teratur dalam pasaran kewangan domestik disokong oleh pasaran kewangan domestik yang lebih dalam dan maju, yang seterusnya diperkukuh oleh kehadiran pelabur institusi domestik yang besar lagi ramai. Institusi-institusi kewangan di Malaysia juga terus menunjukkan tahap daya tahan yang tinggi pada tahun 2013.

Antara perkembangan penting pada tahun 2013 ialah beberapa penambahbaikan dari segi perundangan, struktur dan keinstitusian dalam sektor kewangan. Perkembangan itu termasuk penguatkuasaan Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam Akta 2013 pada bulan Jun, yang bersama-sama dengan Akta Bank Negara Malaysia 2009 telah memantapkan rangka kerja perundangan bagi kestabilan kewangan di Malaysia untuk menghadapi sempadan baharu. Ini mencerminkan dan menjangkakan satu sistem kewangan yang lebih dinamik, lebih saling berhubungan dan inklusif serta lebih kompleks. Undang-undang ini memperkukuh keupayaan Bank dengan ketara untuk mengekalkan kestabilan kewangan dalam persekitaran yang berubah ini dan sekali gus, meletakkan Malaysia di barisan hadapan dalam rangka kerja kestabilan kewangan.

Keupayaan yang lebih kukuh membolehkan Bank bertindak balas terhadap peningkatan ketidakseimbangan kewangan yang mungkin berlaku dalam persekitaran kredit yang telah berkembang, pada kadar yang agak cepat khususnya kepada sektor isi rumah, manakala harga aset mengalami tekanan menaik. Bank memperluas penggunaan instrumen kehematan makro termasuk kepada sektor bukan bank untuk memastikan keadaan yang stabil dalam pasaran kredit dan aset, selain mengekalkan tumpuan penyeliaan yang mantap terhadap amalan pemberian pinjaman dan peruntukan pinjaman oleh institusi-institusi kewangan. Mengekalkan keyakinan dalam sistem kewangan juga termasuk memastikan perlindungan sistem tersebut daripada disalah guna. Tindakan menangani jenayah kewangan, dari segi pencegahan dan penguatkuasaan, terus dilaksanakan bagi memelihara integriti sistem kewangan. Ini termasuk langkah yang diambil untuk mengkaji semula dan mengukuhkan Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001 (Anti-Money Laundering and Anti-Terrorism Financing Act 2001, AMLATFA), manakala tindakan pencegahan dan penguatkuasaan juga telah menjadi lebih berkesan termasuk dengan kerjasama domestik dan antarabangsa yang lebih kukuh.

Piawaian kehematan juga terus diperkukuh, terutama sekali dengan pelaksanaan pakej pembaharuan Basel III yang bermula dari bulan Januari 2013. Pada masa yang sama, sektor kewangan yang lebih matang telah membolehkan Bank meneruskan pembaharuan yang penting bagi mengurangkan lagi herotan harga, termasuk dalam industri motor dan insurans hayat, dan yang berkaitan dengan instrumen pembayaran. Kemajuan juga telah dicapai dalam rancangan untuk menggantikan rangka kerja kadar pinjaman asas dengan rangka kerja kadar rujukan baharu yang lebih relevan dan mencerminkan keadaan dalam pasaran pendanaan. Perkembangan ini menyokong usaha untuk meningkatkan tahap perkhidmatan kewangan yang lebih berorientasikan pasaran, yang seterusnya menyumbang kepada sektor kewangan yang secara keseluruhan berfungsi dengan cekap dan berkesan. Akhir sekali, pelaburan dalam pembangunan tenaga mahir untuk industri terus menjadi keutamaan yang penting. Usaha ini telah membuahkan hasil dalam bentuk tiga lagi inisiatif strategik, iaitu penubuhan Majlis Tenaga Mahir Negara, Agensi Akreditasi Kewangan dan Lembaga Profesional bagi Perkhidmatan Kewangan, yang diterajui oleh industri untuk meningkatkan tahap industri perkhidmatan kewangan.

Pada peringkat serantau, Asia secara keseluruhannya terus menjadi lebih bersepadu. Integrasi kewangan serantau telah mencapai kemajuan selanjutnya pada tahun 2013 dengan Rangka Kerja Integrasi Perbankan ASEAN yang kini pada peringkat akhir. Pengawasan serantau dan aktiviti penyelidikan juga terus menyokong penilaian terhadap risiko dan kelemahan yang wujud di rantau ini. Pelaksanaan rangka kerja pengurusan dan penyelesaian krisis serantau pada tahun 2013, yang menghasilkan protokol dan komitmen yang telah dipersetujui untuk meningkatkan kerjasama antara bank pusat semasa krisis, terus mengukuhkan kemajuan di rantau ini bagi membina asas yang teguh untuk pertumbuhan dan kestabilan serantau.

Satu perkara yang menjadi tumpuan pada tahun 2013 ialah pengurusan risiko kepada kestabilan kewangan domestik yang berkisar pada pengumpulan hutang isi rumah dan perkembangan dalam pasaran harta tanah. Susulan pelaksanaan siri langkah kehematan makro dan mikro pada tahun 2013, kadar pertumbuhan hutang isi rumah telah menjadi lebih perlahan. Trend pertumbuhan yang lebih sederhana dijangka berterusan meskipun paras hutang kepada KDNK akan kekal tinggi pada tempoh terdekat. Langkah struktur yang lebih meluas, yang sedang dilaksanakan oleh Kerajaan untuk meningkatkan bekalan perumahan mampu milik dan pembangunan sistem pengangkutan awam, akan menyumbang ke arah pengurangan jumlah hutang isi rumah apabila rumah lebih mampu dimiliki dan penggunaan pengangkutan awam meningkat. Meskipun profil risiko pemberian pinjaman isi rumah baharu kekal mantap, serta diperkukuh oleh piawaian pinjaman yang bertambah baik, dan peningkatan pesat dalam program pendidikan kewangan, Bank akan terus memantau dengan rapi potensi risiko yang dikaitkan dengan hutang isi rumah yang tinggi.

Perkembangan dalam sektor harta tanah turut memerlukan perhatian yang teliti pada tahun 2013. Aktiviti bersifat spekulasi dalam pasaran harta tanah, walaupun tidak berleluasa, telah berlaku dengan penurunan kos kemasukan secara progresif untuk bakal pelabur menerusi pakej perumahan menarik yang ditawarkan oleh pemaju harta tanah, serta kos peminjaman yang rendah. Oleh itu, Bank telah meningkatkan ketelitiannya dalam amalan penilaian dan peruntukan oleh institusi-institusi kewangan bagi memastikan keputusan pemberian pinjaman yang didasarkan pada penilaian tinggi tidak mendorong

kenaikan harga serta penampan kerugian adalah mencukupi sepanjang kitaran hayat pinjaman tersebut. Ini telah diperkuat oleh langkah Kerajaan untuk membendung aktiviti bersifat spekulasi, termasuk menambah baik ketelusan dalam harga harta tanah selain penyelarasan langkah-langkah pembekalan. Penubuhan Majlis Perumahan Kebangsaan merupakan satu perkembangan yang penting untuk memantau dan mengurus langkah-langkah ini dengan cara yang terselaras. Pengurusan yang cermat dan pengaturan bekalan ruang pejabat runcit dan komersial yang cermat juga penting pada masa akan datang.

Memandangkan sektor kewangan mempunyai peranan yang penting untuk menyokong pengurusan kewangan bagi perniagaan dan isi rumah, usaha pada masa hadapan akan ditingkatkan untuk memperluas lagi akses kepada perkhidmatan kewangan, meningkatkan kecekapan pengantaraan kewangan dan membangunkan lagi ekosistem pembiayaan. Ini termasuk penambahbaikan kepada Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 untuk mengukuhkan prestasi institusi kewangan pembangunan (development financial institutions, DFIs) bagi melaksanakan mandat pembangunan mereka dengan lebih baik, dan kepada rangka kerja perbankan ejen untuk memastikan akses yang menyeluruh dan selamat kepada perkhidmatan kewangan formal. Memandangkan rangkuman kewangan bukan mengenai akses sahaja, tetapi juga untuk mendidik pengguna supaya dapat menggunakan perkhidmatan kewangan dengan lebih berkesan, usaha akan diteruskan untuk meningkatkan celik kewangan dalam kalangan isi rumah dan perniagaan di Malaysia, khususnya perusahaan kecil dan sederhana. Rangkaian pendidikan kewangan kebangsaan akan diwujudkan untuk mendorong dan menyelaras keutamaan pendidikan kewangan.

Dalam bidang pembayaran, pelaksanaan pembaharuan penentuan harga dijangka akan mempercepat peralihan kepada saluran pembayaran elektronik oleh isi rumah dan perniagaan. Ini akan diperkukuh oleh inisiatif untuk mempelbagaikan dan meningkatkan lagi kecekapan saluran e-pembayaran, justeru lebih mudah diakses dan lebih mampu milik, serta memberi peluang kepada perniagaan kecil khususnya untuk menambah baik proses perniagaan dan mengurangkan kos menjalankan perniagaan.

Untuk menjadikan Malaysia sebagai pasaran kewangan Islam sedunia, lebih banyak usaha diperlukan untuk mendalamkan lagi pasaran kewangan Islam terutamanya bagi struktur tempoh matang yang dilanjutkan dan terbitan sukuk dalam pelbagai mata wang. Tahun 2013 telah menyaksikan terbitan sulung sukuk jangka pendek oleh Perbadanan Pengurusan Likuiditi Islam Antarabangsa (International Islamic Liquidity Management Corporation, IILM) yang merupakan satu pencapaian global yang penting dan signifikan. Ini memberi peluang kepada institusi-institusi kewangan Islam, termasuk yang ada di Malaysia, untuk menggunakan instrumen yang unik dan khusus untuk menguruskan keperluan mudah tunai bagi memelihara kestabilan kewangan. Kewangan Islam juga terus memainkan peranan penting dalam penyelesaian pembiayaan mikro dan takaful mikro, dan mewujudkan peluang untuk perusahaan mikro di Malaysia. Akhir sekali, usaha untuk membangunkan piawaian kontrak Syariah dan rangka kerja pengawalseliaan yang diperkukuh bagi pengurusan akaun pelaburan Islam akan menyediakan kepada persekitaran yang diperlukan, inovasi yang bertanggungjawab dan seterusnya memelihara kestabilan kewangan.

Antara keutamaan pengawalan dan penyeliaan Bank pada tahun yang akan datang ialah pelaksanaan pengaturan baharu bagi pengawasan kehematan kumpulan kewangan, serta meneruskan usaha menaikkan tahap amalan tadbir urus korporat dan amalan pengurusan risiko dalam industi perkhidmatan kewangan. Sebagai sebahagian daripada usaha untuk mengukuhkan daya tahan sistem kewangan domestik terhadap kejutan sistemik, Bank juga akan memulakan usaha untuk membangunkan satu rangka kerja bagi mengenal pasti dan mengukuhkan rejim pengawalan dan penyeliaan untuk institusi kewangan yang penting dari segi sistemik kepada sistem kewangan domestik. Ini akan meliputi keperluan untuk institusi tersebut mengekalkan penampan kewangan yang kukuh, menyediakan rancangan pemulihan yang berwibawa untuk memulihkan daya maju kewangan apabila berlaku tekanan yang teruk, serta strategi sokongan oleh pihak berkuasa yang berkenaan untuk mencapai penyelesaian yang teratur jika diperlukan.

Untuk melaksanakan keutamaan ini, Bank akan terus memanfaatkan pengaturan kerjasama yang berjaya dengan pihak berkuasa dalam negeri dan antarabangsa lain. Pada tahun 2013, Bank mengadakan pengaturan yang formal dengan Mesyuarat Eksekutif Bank-bank Pusat Asia Timur dan Pasifik (Executives' Meetings of East Asia-Pacific Central Banks, EMEAP) secara khususnya untuk mengukuhkan pengurusan dan penyelesaian krisis serantau. Selain itu, berikutan perubahan ciri dan kesalingbergantungan yang semakin meningkat dalam sektor perkhidmatan kewangan, penyelarasan yang berkesan antara agensi telah terus diperkukuh. Ini merupakan sebahagian daripada agenda untuk memelihara kestabilan kewangan dan menggalakkan pembangunan sistem kewangan yang menyumbang ke arah ekonomi yang mampan.



Zeti Akhtar Aziz
Gabenor
19 Mac 2014